KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

MAJLIS AMANAH RAKYAT
MARA

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PERHIMPUNAN BULANAN KKDW

TARIKH/MASA:

16 JULAI 2024 (SELASA)
8.30 PAGI

LOKASI:

GRAND BALLROOM, PREMIERA HOTEL
KUALA LUMPUR

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Saya mulakan bicara saya hari ini dengan melontar satu pertanyaan kepada warga KKDW di hadapan saya, apakah yang membuat kita nampak berbeza, atau terkehadapan berbanding rakan-rakan Kementerian kita yang lain?

2. Walaupun setiap Kementerian mempunyai portfolio yang pelbagai, tetapi apakah yang membezakan kita dengan gerak kerja yang dilakukan oleh Kementerian yang lain? Saya petik kata-kata ini.

   "The difference between ordinary and extraordinary is that little extra."

3. Ia membawa makna bahawa dalam menuju atau mencapai kecemerlangan, yang membezakan kita adalah

kesanggupan untuk melakukan anjakan usaha dan melangkaui batas kebiasaan.

4. Dalam kita menempuhi dunia yang serba pantas dan berdaya saing ini, kita tidak boleh mudah berpuas hati ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Kejayaan sebenar dan pencapaian yang luar biasa hanya boleh dimiliki oleh golongan yang benar-benar mengejar ‘anjakan usaha’ tersebut.

5. Anjakan usaha ini adalah hasil seorang pekerja yang memberikan dedikasi yang berterusan, keazaman yang tidak putus-putus, tanpa lelah memberi masa tambahan dan sentiasa mengangkat luar biasa dari yang biasa.

6. Saya pasti di hadapan saya, semua ingin menjadi yang cemerlang. Semua ingin menjadi yang terbaik dalam apa jua yang kita lakukan. Saya pasti semuanya mempunyai bakat, pelajaran dan pengalaman. Tetapi untuk menjadi satu sosok yang hebat, ia tidak hanya berasaskan bakat dan tuah, tetapi sentiasa berusaha mencari kelebihan.

7. Jadi, dalam kita mengharungi pelbagai cabaran yang dihadapi Kementerian - dalam kita merencana agenda besar buat warga pedesaan – ingin saya tekankan kita

tidak boleh selesa, kita tidak boleh biasa-biasa. Kenalpasti ruang untuk menambah kreativiti, aspirasi dan anjakan dalam setiap perancangan yang kita lakukan.

8. Kalau ini boleh dijayakan – saya yakin KKDW atau mana-mana agensi dibawahnya akan menjadi yang terbaik, terkehadapan dan yang paling penting cemerlang di hati rakyat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Dalam kita melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita, kita mestilah sentiasa bijaksana merencana gerak kerja, supaya apa jua yang kita ingin laksana mendapat keberhasilan yang didambakan.

10. Sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi yang bersifat pelaksana, yang menjunjung agama serta bersiyasah denganNya - kita hendaklah menanamkan sifat bertanggungjawab terhadap setiap pekerjaan yang ditaklifkan kepada kita.

11. Percayalah, bekerja ini adalah satu bentuk ibadah. Segala usaha atau kerja dilakukan dengan penuh tawaduk, ikhlas

dan berdisiplin semuanya termasuk dalam lingkungan ibadah yang dituntut oleh Allah SWT. Segala tanggungjawab dan amanah yang ditunaikan dengan baik dicatatkan sebagai amal kebajikan serta akan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT.

12. Namun, apa yang saya ingin tekankan juga adalah - dalam kita mengejar sebuah ibadah yang dituntut dan mempunyai kedudukan tinggi di sisi Islam – kita perlulah mencari strategi terbaik untuk memastikan kerja yang kita laksanakan itu mencapai matlamatnya.

13. Saya gariskan 7 (tujuh) langkah yang saya ingin warga KKDW serta seluruh agensi garapkan dan menjadi pegangan pada perhimpunan bulanan kali ini.

a) Pertama : Proaktif Dalam Melaksanakan Tugasan

Warga Kementerian perlu lebih aktif dalam segala tindakan. Jangan hanya menanti arahan. Seperti pahat dengan penukul, kalau tidak ditukul tidak makan. *You are the Subject Matter Expert* – jadi anda perlu lebih proaktif dalam menyediakan penyelesaian.

b) Kedua : Mencipta Idea di Luar Kebiasaan

Seperti yang saya sebutkan di awal ucapan dan seperti saya selalu katakan – Think differently, think without the box!

c) Ketiga : Meluncur Dengan Strategi

Anda mesti pastikan segala yang dilakukan, hendaklah diterapkan strategi yang ampuh agar kita lebih terarah dan bermatlamat – seperti itik diajar berenang - pukat berlabuh, ikan pun tak dapat.

d) Keempat : Komited Mencapai Matlamat

Sebaik sahaja menyusun atur gerak kerja strategik, kita hendaklah komited dan berterusan mencari jalan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. *You have to push yourself beyond your limits*. Anda semua boleh lihat cara yang saya terapkan dalam mempromosikan TVET, cara bagaimana saya memendekkan tempoh kelulusan pensijilan halal.

e) Kelima : *Follow-up, Follow Through*

Jangan hanya teruja memulakan sesuatu tugas tetapi anda mestilah membuat tindakan susulan sehingga selesai sesuatu tugasan. Perlu tangkas, perlu pantas.

Kita telah melalui pemukiman, menetapkan 62 cadangan yang perlu kita lihat, perhalusi dan perkasakan tindakan.

f) Keenam : Pemasaran Berkesan

Usaha mempromosi dan menyebarluas apa yang kita telah gagaskan perlu berterusan dan dilakukan secara berkesan – jika tidak ia akan hanya berlegar di antara kita, bukan atas kepuasan pelanggan.

g) Ketujuh : Perbaiki dan Refleksi

Selepas kita terapkan segala usaha kita perlu kembali reflek, mendapatkan pandangan sama ada secara dalaman atau luaran untuk memastikan tindakan yang dilakukan sejajar dengan matlamat. Cari indikator atau kayu pengukur agar pelanggan desa benar-benar merasai manfaatnya.

14. Ini adalah garis panduan yang saya ingin kongsikan dan saya percaya dengan pengalaman luas warga KKDW hari ini – saya penuh yakin apa jua yang kita rancangkan akan berubah menjadi kejayaan dan hasilnya pasti akan memberi kepuasan, bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada diri kita yang tekad menjalankan tugas.

AGENDA BESAR MESTI DIPELOPORI BERSAMA

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Selain menjadi Menteri yang menerajui Kementerian ini, saya juga telah dipertanggungjawabkan oleh YAB Perdana Menteri untuk mempengerusi 26 Jawantankuasa Kabinet yang melibatkan isu-isu seperti TVET, pembangunan Halal, pengurusan bencana, kesesakan jalan raya, usahawan dan banyak lagi.

16. Tetapi, saya ingin kongsikan kepada semua warga KKDW hari ini, 5 fokus utama yang boleh digarapkan bersama bagi menjadi sebahagian daripada fokus serta agenda Kementerian pada tahun ini.

a) Pertama : Memperkasa dan Mempromosi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Saya pasti ramai yang dah tahu, TVET ini telah diangkat YAB Perdana Menteri menjadi agenda nasional. KKDW mempunyai peranan yang amat besar dalam menggerakkan agenda ini bersama, lebih-lebih lagi KKDW sendiri mempunyai 279 institusi

TVET, jumlah yang terbesar di antara semua Kementerian. Malah pada September nanti kita sendiri akan menganjurkan Ekspo TVET @ KKDW bagi menonjolkan penglibatan KKDW dalam mengangkat agenda TVET.

b) Kedua : Memangkin Pembangunan Halal Negara.

Halal merupakan satu sektor yang mempunyai potensi yang amat besar. Selain daripada memperkukuhkan industri domestik, kita mesti mengapai potensi antarabangsa. Pada tahun 2023 sahaja, kadar sumbangan industri halal kepada KDNK direkodkan pada kadar 7.9% dengan jumlah eksport produk halal adalah sebanyak RM53.72 billion berbanding jumlah keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM1.426 trillion.

Saya yakin MARA sendiri boleh memainkan peranannya melalui Gate to Global (GTG). Jika dari tahun 2020 sehingga hari ini, RM400 juta jumlah jualan telah disumbangkan kepada KDNK Negara melalui syarikat GTG dan hari ini saya cabar MARA untuk menggandakan nilai ini. Boleh?

c) Ketiga : Memperkasa Agenda Huffaz Negara

Saya juga ingin melihat KKDW untuk bersama mempelopori agenda membina generasi Al-Quran ini. Aspek latihan, kemahiran dan kerjaya perlu diperkasakan.

Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS telah kita mulakan secara rintis di 100 buah TABIKA pada tahun lalu melibatkan 1,500 kanak-kanak. Insya-Allah ia akan diperluaskan kepada 4,145 kelas melibat 64,175 kanak-kanak pada tahun ini.

MARA sendiri sehingga hari ini melalui sistem pengajian MRSM Ulul Albab telah melahirkan seramai 3,564 huffaz. Bagi mengimbangi masa hadapan anak-anak ini, pelbagai usaha dilakukan oleh UniKL umpamanya, begitu juga Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) seperti PERDA dan KEDA yang aktif melahirkan huffaz yang berkemahiran.

d) Keempat : Menyantuni Agenda Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB)

Kongres Ekonomi Bumiputera yang melabuhkan tirainya pada Jun lalu tidak boleh terhenti begitu sahaja. Saya telah menggariskan **3 Matlamat, 6 Tekad dan 3 Ikhtiar** sebagai elemen untuk kita garapkan satu dasar Transformasi Ekonomi Bumiputera ke arah melonjakkan usaha pemerkasaan agenda Bumiputera, yang mana majoritinya adalah pemegang taruh kita - agar akhirnya kita dapat mewujudkan sebuah masyarakat desa lebih positif, progresif dan inovatif.

e) Kelima : Menyelami Nadi Ekonomi Gig Negara

Jumlah pekerja gig hari ini dianggarkan seramai lebih 1.12 juta. Namun, banyak lagi perkara pokok seperti aspek kebajikan dan potensi kerjaya yang boleh diperbaiki. Perdana Menteri sendiri telah meminta untuk sebuah Suruhanjaya Pekerja Gig diperkenalkan dan Insya-Allah bila terwujudkan satu saluran formal ini nanti, saya mahu KKDW juga terlibat, khususnya dalam sektor keusahawanan dan latihan.

17. Ini adalah sebahagian daripada agenda-agenda utama yang KKDW juga boleh cerakinkan. Pastinya kerangka-kerangka utama hala tuju seperti yang kita tetapkan

bersama di permukiman awal tahun lalu, mestilah dilunaskan agar ia menjadi kenyataan.

18. Ramai di antara kita akan bertemu lagi pada 25 dan 26 Julai ini untuk Permukiman Separuh Tahun Program Utama KKDW. Di sana nanti kita tidak lagi akan membincangkan hala tuju tetapi saya mahu memperhalusi dan memberi fokus terhadap pelaksanaan dan penambahbaikan gerak kerja.

ASPIRASI MARA, PEMACU AGENDA KKDW

Hadirin dan hadiran sekalian.

19. Saya berterima kasih kepada semua warga MARA atas penganjuran Perhimpunan Bulanan kali ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pengurusan MARA serta seluruh kakitangannya yang telah bertungkus-lumus merencana agenda Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

20. Saya menyaksikan MARA kini bukan sahaja terlibat dalam bidang konvensional tetapi turut aktif dalam industri berimpak tinggi dan berinovatif seperti bidang automatif, EV dan AI. Dalam bidang keusahawanan, MARA kini

bergiat aktif menembusi pasaran global dan membangun usahawan digital.

21. Dalam aspek Pendidikan, MARA terus menjadi peneraju dengan melahirkan siswazah yang kebolehpasarannya kini mencecah 97.5% (2023), melepasi kadar purata nasional sebanyak 89.8%. Ini membuktikan produk anak didik MARA berada di landasan yang betul.

22. MARA juga saya lihat telah menambahbaik ekosistem bidang Pelaburan melalui anak syarikatnya. MARA Corp dan Mara Liner contohnya, telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat gergasi China untuk memangkin usaha niaga baharu yang dapat membuka laluan luas untuk melahirkan syarikat Bumiputera yang berdaya maju dan kompeten.

23. Saya juga tidak lupa KEJORA yang telah melakukan persembahan yang menarik untuk sajian kita pada hari ini. KEJORA juga saya yakin telah menyantuni masyarakat desa di Johor Tenggara dan memperlihatkan keberhasilan melalui pelbagai program pembangunan, ekonomi, agro-pelancongan dan keusahawanan.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

24. Setiap kejayaan tidak akan datang bergolek. Setiap usaha dan tugasan yang kita lakukan akan dicatit sebagai ibadah dan diberikan balasan sebaik-baik ganjaran daripada Allah SWT. Ingatlah sebaik-baik manusia, adalah manusia yang memberi manfaat kepada manusia yang lain.

25. Kejayaan dan kemajuan Kementerian ini terletak di tangan anda semua. Tapi komitmen dan usaha keras anda, tidak mungkin saya dapat mengemudi Kementerian ini dengan sempurna. Saya tinggalkan perhimpunan kali dengan kata-kata :

"Your talent determines what you can do. Your motivation determines how much you are willing to do. Your attitude determines how well you do it. It's on you.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.